

Agenda pemerkasaan mahkamah syariah menuntut strategi tersusun

● Apa yang perlu menjadi tumpuan atau keutamaan dalam pemerkasaan mahkamah syariah ialah usaha menjadikannya sebagai institusi bebas

● Hakim tidak sebaris dengan perkhidmatan awam biasa. Mereka seharusnya mempunyai skim berbeza dan dizahirkan dalam suatu undang-undang tertinggi



Oleh Datuk Dr Shamrahayu A Aziz
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah
Kulliyyah Undang-
Undang Ahmad
Ibrahim, Universiti
Islam Antarabangsa
Malaysia

Agenda pemerkasaan mahkamah syariah mungkin agak senyap diperkatakan kebelakangan ini, namun perbincangan mengenainya dalam pelbagai wacana, sama ada pada peringkat Persekutuan atau negeri tidak pernah padam. Bahkan rakyat terbanyak juga tidak berhenti berkongsi pandangan dan persepsi terhadap usaha memartabat mahkamah syariah.

Dari sudut sejarah usaha ini, pindaan Perlembagaan pada 1988 ternyata memberikan sinar baharu kepada kedudukan mahkamah syariah dari segi bidang kuasanya. Menerusi pindaan itu, Fasal (1A) dimasukkan untuk menafikan bidang kuasa Mahkamah Persekutuan dalam perkara di bawah bidang kuasa mahkamah syariah.

Dalam pindaan sama, Perkara 5(4) dipinda dengan menyatakan seseorang ditangguh mengikut undang-undang syariah hendaklah di bawah ke hadapan hakim syariah dalam tempoh 24 jam.

Pindaan ini mengangkat kedudukan mahkamah syariah. Namun, pindaan ini nampaknya tidak mampu menamatkan atau menyelesaikan lingkaran cabaran ke atas mahkamah syariah.

Dari segi pentadbiran, Jabatan Kemajuan Syariah Malaysia (JKSM) ditubuhkan pada 1998 dan usaha menggunakan skim 'guna sama' antara negeri diperkenalkan.

Skim guna sama ringkasnya bermaksud negeri menyertai JKSM boleh berkongsi sumber manusia walaupun pelantikan ke jawatan, seperti hakim adalah kuasa Sultan, selaku Ketua Agama Islam negeri.

Sehingga kini tidak semua negeri menyertai rangkaian skim guna sama ini. Mungkin negeri terbabit mempunyai hujah mereka tersendiri. Selain itu, banyak kajian dan cadangan tertumpu kepada hiraki mahkamah.

Ia merujuk kepada susunan mahkamah, mahkamah rendah hingga mahkamah paling tinggi.

Dalam konteks ini cadangan dibuat pada peringkat Jabatan Peguam Negara untuk meningkatkan hiraki mahkamah.

Perak menjadi negeri sudah menambah satu hiraki iaitu Mahkamah Utama Syariah, tetapi belum direalisasikan di negeri lain. Terdapat beberapa negeri sedang mengusahakan penambahbaikan ini.

Penyeragaman undang-undang adalah usaha dilakukan secara berterusan sejak sekian lama. Usaha ini diterajui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syariah dan Sivill.

Mengukuhkan undang-undang berkaitan hukuman juga pernah diusahakan dan perkara ini masih belum selesai. Pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah Syariah) 1965 belum dipastikan.

Jamin kebebasan kehakiman

Walaupun usaha banyak dilakukan, dengan meneliti keputusan dibuat mahkamah, terutama Mahkamah Persekutuan, penulis berpendapat apa yang perlu menjadi tumpuan atau keutamaan dalam pemerkasaan mahkamah syariah ialah usaha menjadikannya sebagai institusi bebas. Ini bagi menjamin kebebasan kehakiman.

Kebebasan kehakiman ini perkara paling penting. Tidak dinafikan soal hiraki, keterjaminan gaji hakim, susunan pentadbiran dan kemudahan bertaraf dunia penting untuk mahkamah syariah.

Namun, itu semua tidak setanding dengan pentingnya kebebasan kehakiman. Terdapat pelbagai dimensi dalam kebebasan kehakiman antara lain ialah berkaitan jawatan hakim.

Hakim tidak sebaris dengan perkhidmatan awam biasa. Mereka seharusnya mempunyai skim berbeza dan dizahirkan dalam suatu undang-undang tertinggi.

Bagi menjadikan mahkamah syariah institusi bebas, maka perlu diwujudkan skim perkhidmatan kehakiman syariah, memisahkan kehakiman syariah daripada skim perkhidmatan awam. Bagi

tujuan penyeragaman di seluruh negara, perkara ini perlu diambil perhatian Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI).

Seterusnya, bagi tujuan menjamin kebebasan kehakiman di mahkamah syariah, kuasa kehakiman mahkamah syariah hendaklah dijamin undang-undang. Terdapat perbezaan antara kuasa dan bidang kuasa kehakiman.

Perkara 121 Perlembagaan menyatakan kuasa kehakiman Persekutuan, sama ada Mahkamah Tinggi atau mahkamah bawahan, "...hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa diberikan oleh atau mengikut undang-undang Persekutuan". Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Akta Mahkamah Rendah 1948 memenuhi hasrat Perkara 121(1) ini.

Malangnya, Perkara 121 tidak menjamin kuasa kehakiman mahkamah syariah. Ia menegaskan bidang kuasa mahkamah syariah tanpa menyebut kuasa kehakiman mahkamah syariah. Dalam keputusan kes M Indira Gandhi menyentuh soal penukaran agama anaknya, Mahkamah Persekutuan menggambarkan mahkamah syariah hanya sebagai sebuah tribunal.

Jika sebagai sebuah tribunal, secara implikasi daripada keputusan kes itu, mahkamah syariah hanya mempunyai 'quasi-judicial power' bermaksud 'kuasa separa kehakiman', bukan memiliki kuasa kehakiman sepenuhnya, sedangkan untuk setiap mahkamah melaksanakan bidang kuasanya, ia perlu mempunyai kuasa kehakiman penuh.

Hanya dengan memiliki bidang kuasa, tanpa kuasa kehakiman ia tidak menjadikan mahkamah syariah secara jurispudens, mahkamah bebas.

Justeru, dalam pembaharuan dan pemerkasaan mahkamah syariah, perlu diwujudkan suatu undang-undang mampu menzahirkan kuasa kehakimannya. Undang-undang ini boleh diberikan tajuk 'Enakmen Kuasa Kehakiman Mahkamah Syariah'.

Sementara itu, bagi negeri sudah mempunyai Enakmen Mahkamah Syariah, negeri terbabit boleh memasukkan peruntukan khusus kuasa kehakiman mahkamah syariah.

Namun, penyelesaian lebih baik dalam usaha ini ialah dengan meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memasukkan kuasa kehakiman mahkamah syariah atau memberikan kuasa kepada Parlimen menggubal undang-undang bagi menjelaskan kuasa kehakiman mahkamah berkenaan.

Sebagai pilihan lain, Perlembagaan boleh dipinda untuk memasukkan kuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) membuat peruntukan mengenai kuasa kehakiman syariah di negeri.

Dalam usaha mencapai hasrat cadangan ini, pemikiran hebat hakim Mahkamah Tinggi Persekutuan serta kewibawaan dan kebijaksanaan cendekiawan hendaklah dicantumkan. Gerakan atau strategi tersusun memperkasa mahkamah syariah harus digemblang.

Setiap umat Islam bertanggungjawab memajukannya. Orang bukan Islam juga mempunyai tanggungjawab untuk memahami Islam, bukan dengan tujuan memaksa mereka memeluk Islam, tetapi membentuk setia kawan sesama warganegara.

